

01/02/2001

Putrajaya kebanggaan rakyat Malaysia

BERMULA dari ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada pertengahan 80-an untuk mewujudkan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru di luar Kuala Lumpur, hari ini sempurnalah perisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan. Pengambilalihan Putrajaya mengulangi detik bersejarah pemisahan Kuala Lumpur dari Selangor pada 1 Februari 1974 apabila bandar raya Kuala Lumpur diisytiharkan Wilayah Persekutuan. Penubuhan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan sesudah Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2000 pada 12 Disember tahun lalu, adalah bersesuaian agar status dan kedudukannya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan terus terpelihara.

Bermula dengan Bahagian Keselamatan Negara dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri sebagai yang pertama memulakan operasi di sana pada 31 Mei 1999, Putrajaya berterusan mengundang kekaguman baik daripada pengunjung tempatan mahupun asing. Perancangan teliti menggabungkan reka bentuk moden, tradisional dan campuran di samping mengekalkan konsep kehijauan yang ketara, menjadikan bandar di kawasan seluas 4,580 hektar ini sebuah perbandaran yang paling moden di rantau ini. Beridentitikan akar umbi budaya dan tradisi Malaysia, Putrajaya turut menerapkan nilai mesra alam dengan empat puluh tujuh peratus daripada keluasannya diperuntukkan bagi pembangunan kawasan rekreasi, taman dan tasik. Ini bertepatan dengan struktur pembangunan Putrajaya yang berkonsepkan bandar raya dalam taman.

Seiring dengan keunikannya, Putrajaya turut menghadirkan cabaran amat besar dalam mentadbir, menyelenggara segala kemudahan dan memberikan perkhidmatan berkesan kepada penduduk dan pengunjung. Kerana itu, hasrat menjadikan Putrajaya sebagai bandar raya terunggul yang boleh bersaing dengan bandar maju lain di dunia, tidak harus dibebankan kepada pihak tertentu yang dipertanggungjawabkan semata-mata, sebaliknya turut menjadi tanggungjawab semua penduduk serta pelawat dalam memelihara kebersihan dan keindahan persekitarannya. Lebih-lebih lagi, identiti Putrajaya berasaskan Malaysia kerana ini adalah bandar raya untuk rakyat yang dirancang dan dibina menggunakan dana dan kepakaran tempatan.

Putrajaya yang dibangunkan sebagai warisan budaya adalah kebanggaan semua rakyat Malaysia. Tidak hanya terbatas kepada mereka yang mendiami atau bekerja di kawasan berkenaan, Putrajaya adalah bandar raya alaf baru milik keseluruhan rakyat yang mencerminkan masyarakat Malaysia yang maju dan progresif. Bagaimana ia akan terus dibangunkan sehingga siap keseluruhannya turut menjadi ukuran kepada golongan ilmiah, profesional dan pelancong asing dalam membuat tanggapan terhadap kemajuan rakyat negara ini. Lebih daripada sekadar menjadi kebanggaan, Putrajaya hendaklah sama-sama kita majukan sebagai warisan bagi kepentingan generasi akan datang.

(END)